



LEGASI

Dulu Dikenali Sebagai Buletin IPTG

ليگاسي

Bil.14/1445H/2024

INSTITUT PEMIKIRAN TOK GURU DATO' BENTARA SETIA



RAMADAN KAREEM

MENARIK

- 05 | DOA MENDAPAT LAILATUL QADAR
- 06 | AMALAN - AMALAN SUNNAH RAMADAN
- 14 | SUNNAH DI HARI RAYA AIDILFITRI

IMBAS DIR
DIBAWAH !





Kalam MENTERI BESAR

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Firman Allah SWT yang bermaksud:
*"Wahai orang-orang yang beriman! Kamu
diwajibkan berpuasa sebagaimana
diwajibkan atas orang-orang yang dahulu
daripada kamu, supaya kamu bertaqwa".*
(al-Baqarah: 183)

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT
kerana dengan izin limpah kurniaNya Buletin
IPTG Bil.14/1445H/2024 dapat diterbitkan.
Terima kasih diucapkan khususnya kepada pasukan
sidang redaksi yang bertungkus lumus sehingga
berjayanya menerbitkan buletin edisi kali ini.

Pada kesempatan ini, saya mengucapkan setinggi
penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga Institut
Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG) kerana telah berjaya
memberi kerjasama dan komitmen sepenuhnya kepada kerajaan Negeri Kelantan tahun lepas.
Tinggi harapan saya agar kerjasama dan komitmen daripada semua kakitangan IPTG dapat
diteruskan dan ditingkatkan lagi pada tahun ini.

Sesungguhnya tahun 2024 ini pasti lebih mencabar bagi semua penjawat awam dan semua Urus
Setia Kerajaan Negeri dan Pusat dalam memastikan visi dan misi organisasi tercapai. Tahun ini
merupakan tahun ke-34 pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan ditunjangi oleh dasar Membangun
Bersama Islam. Ini merupakan anugerah oleh Allah SWT kepada seluruh rakyat Kelantan dalam
meletakkan Islam sebagai al-Din di kedudukan yang paling tinggi. Hasrat saya amatlah besar agar
pengembangan dasar Membangun Bersama Islam ini diteruskan lagi oleh IPTG menerusi
aktiviti-aktiviti dan program-program yang bakal dilaksanakan pada tahun hadapan; Insyaa-Allah.

Akhir kata, saya mendoakan kesejahteraan dan kejayaan kepada semua warga IPTG. Semoga
segala usaha yang dilakukan ini mendapat ganjaran pahala di sisi Allah SWT. Saya juga ingin
mengucapkan selamat menjalani ibadah puasa dan selamat hari raya Aidilfitri.

ISLAM MEMIMPIN, RAJA MENAUNGI, NEGERI BERKAT

MEMBANGUN BERSAMA ISLAM - KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN

Sekian, Terima Kasih. Wassalam
YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin bin Haji Daud
Menteri Besar Kelantan



Kata PENERBIT

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Firman Allah SWT yang bermaksud:
"Wahai orang-orang yang beriman!
Janganlah kamu mengkhianati (amanah)
Allah dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu
mengkhianati amanah-amanah kamu,
sedang kamu mengetahui (salahnya)".
(al-Anfal: 27)

Saya merafakkan puji dan syukur ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, para sahabat, keluarga serta seluruh pengikut Baginda SAW kerana dengan izin dan limpah rahmatNya, Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG) dapat meneruskan usaha menerbitkan Buletin IPTG pada kali ini (Bil.14/1445H/2024) dengan jayanya. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penerbitan edisi ini yang kini sudah dikenali sebagai "**Legasi**".

Legasi edisi kali ini memaparkan segala aktiviti dan program yang telah berjaya dilaksanakan oleh IPTG sepanjang bulan Januari hingga Mac 2024. Setinggi-tinggi tahniah kepada semua warga kerja IPTG yang baru sahaja berjaya melaksanakan satu program besar iaitu program "**Seminar Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) dengan kerjasama Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)**" pada 03 Mac 2024 yang telah diadakan di Dewan Johor, KIAS. Objektif program ini adalah untuk membincangkan agenda Penghayatan Membangun Bersama Islam yang telah diumumkan oleh YAB Dato' Panglima Perang Menteri Besar Kelantan semasa Majlis Apresiasi 100 hari Pentadbiran Kerajaan Negeri dan Pelancaran Dokumen Induk Penghayatan Membangun Bersama Islam yang telah diadakan pada hujung Disember 2023.

Harapan saya semoga legasi ini menjadi salah satu saluran kepada semua pihak untuk mengetahui info dan maklumat terkini berkaitan dengan IPTG. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat menjalani ibadah Ramadan kepada semua khususnya semua penjawat awam dan seluruh rakyat Kelantan serta seluruh umat Islam. Semoga Allah SWT menerima dan memberkati amalan daripada kita semua dan memasukkan kita dalam kalangan orang-orang beriman dan berjaya.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

Profesor Emeritus Dato' Dr. Johari Bin Mat
Pengarah Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG)



- 02** KALAM MENTERI BESAR
- 03** KATA PENERBT
- 04** SIDANG REDAKSI
- 05** DOA MENDAPAT MALAM LAILATUL QADAR
- 06** AMALAN-AMALAN SUNNAH RAMADAN
- 09** KAPSUL FIGURA: TAZKIRAH TOK GURU-RAMADAN
- 10** SEMINAR PMBI
- 12** DOA MAKBUL DENGAN PUASA
- 13** TIPS KEKAL SIHAT DI BULAN RAMADAN
- 14** SUNNAH DI HARI RAYA AIDILFITRI
- 15** JAUHI SIFAT IRI HATI
- 17** PESAN TOK GURU
- 18** LENSA IPTG

PENAUNG

YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin bin Haji Daud

PENASIHAT KHAS

YB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob

PENASIHAT

YBhg Profesor Emeritus Dato' Dr. Johari bin Mat

PENYELARAS

Ustaz Zulkipli bin Mat Yusof

PENOLONG PENYELARAS

Mohd Hafizi bin Mahadi

KETUA PENGARANG

Nurliyana binti Ahmed

SIDANG PENGARANG

Norshafnaz binti Nazaruddin

EDITOR

Nabil Abqari bin Zuhaidi
Nur Aimi binti Baharom

ARTIKEL

Nurliyana binti Ahmed
Norshafnaz binti Nazaruddin
Anis Nadhirah binti Azhar
Nur Syazana Athirah binti Izazi

JURUFOTO

Muhammad Khairul Naim bin Jazli

PROMOSI/ IKLAN/ GRAFIK

Wan Muhammad Faizat bin Wan Mohd Sanusi

ALAMAT SURAT MENYURAT

Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG)
Tingkat Bawah, Blok Dewan Undangan Negeri Kelantan,
Kota Darulnaim, 15503 Kota Bharu, Kelantan.

REKA BENTUK

Wanza Advertising & Printing
No 26, Tingkat 1, Jalan Mat Kilau,
25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur
No.Telefon: 09 7648629
Emel: wanzanet.hq@gmail.com

DOA

Mendapat Malam

Lailatul Qadar

ليلة القدر

اللَّهُمَّ ارْزُقْنَا لَيْلَةَ الْقَدْرِ فِي هَذِهِ السَّنَةِ وَ فِي كُلِّ سَنَةٍ
وَأَعِنَّا عَلَى إِحْيَائِهَا قِيَامَهَا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّحِيمِينَ

Maksudnya:

Ya Allah, rezekikan kami Lailatul Qadar pada tahun ini dan juga pada setiap tahun. Dan bantulah kami untuk menghidupkan dan membangunkan malamnya dengan RahmatMu, Wahai Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Doa untuk mendapatkan Lailatul Qadar dianjurkan supaya dibaca berulang kali bagi menunjukkan kesungguhan dan usaha seseorang itu. Kita semua sudah maklum tentang kemuliaan dan keagungan Lailatul Qadar yang mana adalah satu malam lebih baik daripada seribu bulan.

Setiap dari amalan yang kita lakukan pada malam tersebut akan diberi lebih daripada pahala 1000 bulan. Oleh itu, hendaklah kita memperbanyakkan amal ibadat dengan bersungguh-sungguh. Antara amalan yang boleh dilakukan adalah:

01

Melakukan solat malam (Qiamullail).

02

Beriktikaf di masjid dengan melakukan perbuatan yang mendekatkan diri kepada Allah seperti zikir, membaca al-Quran, solat dan sebagainya.

03

Banyakkan bersedekah.

04

Berdoa memohon keampunan dan dihapuskan dosa yang lalu.

05

Memberi makan kepada orang berbuka.

Semoga kita semua dapat mengisi 10 malam terakhir dengan amal ibadat dan memperoleh kelebihan Lailatul Qadar.

عمالن - عمالن

AMALAN

AMALAN

Bulan Ramadan adalah merupakan bulan yang penuh keberkatan. Selain berpuasa, terdapat banyak amalan yang dapat menghidupkan lagi keimanan seseorang hamba yang boleh diamalkan sepanjang bulan tersebut. Antaranya;

Pertama, **bersahur**.

Bersahur bukan saja membantu kita mengisi tenaga untuk persediaan berpuasa malah merupakan salah satu amalan sunnah yang amat digalakkan. Waktu sahur bermula diantara pertengahan malam hingga terbitnya fajar. Oleh itu, makan pada awal malam tidak dinamakan bersahur sebagai bersahur dan tidak mendapat fadilat mengamalkan sunnah. Bersahur merupakan sunnah Rasulullah SAW berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada Anas RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

Maksudnya; *Hendaklah kamu bersahur kerana dalam makanan sahur itu ada keberkatan*". (Riwayat Bukhari)

Kedua, **bersegera berbuka puasa**.

Bersegera berbuka puasa tentunya salah satu sunnah yang mudah untuk kita lakukan. Jangan lupa meniatkan menyegerakan berbuka kerana ianya adalah salah satu amalan sunnah baginda ketika berpuasa. Berbukalah sekurang-kurangnya dengan sebiji kurma dan segelas air. Hadis daripada Sahl bin Sa'ad RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

Maksudnya: *Seseorang (muslim) itu akan sentiasa berada di dalam kebaikan apabila mereka mempercepatkan berbuka puasa*". (Riwayat Bukhari)

Ketiga, **qiamullail**.

Qiamullail ialah perbuatan atau amalan menghidupkan malam hari dengan beribadah kepada Allah SWT. Qiamullail merupakan antara sunnah Rasulullah SAW yang boleh dilakukan sepanjang tahun namun apabila tibanya Ramadan, amalan ini lebih digalakkan lagi untuk dilaksanakan kerana kelebihannya yang banyak. Ganjaran melaksanakan Qiamulail adalah sangat besar sebagaimana yang terdapat di dalam hadis diriwayatkan daripada Abu Hurairah R.A, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: *Sesiapa yang Qiam (menghidupkan malam) Ramadan dengan penuh keimanan dan mengharapkan ganjaran serta keampunan, akan diampunkan buatnya dosa-dosa yang terdahulu*. (Riwayat Bukhari)



سنه رمضان SUNNAH RAMADAN

Qiam Ramadan atau *Qiamullail* adalah setiap amalan sunat yang meliputi solat Tarawih, pembacaan al-Quran, zikir, solat tahajjud, berdoa dan ibadah lainnya yang dilakukan pada malam hari pada bulan Ramadan.

Keempat, **membaca Al-Quran**.

Ramadan adalah bulan yang amat istimewa dan mempunyai perkaitan yang rapat dengan al-Quran sehingga digelar 'Bulan al-Quran'. Hal ini kita ingati dengan hari Nuzul al-Quran yang jatuh pada 17 Ramadan setiap tahun. Oleh itu, kita sangat dituntut untuk membaca al-Quran dengan bertadurus yang mana ia adalah salah satu aktiviti utama Rasulullah SAW apabila masuknya bulan Ramadan. Tadurus al-Quran boleh dilaksanakan dalam kumpulan seperti di masjid, surau dan bersama keluarga di rumah masing-masing. Disamping menghabiskan bacaan al-Quran, tadurus al-Quran juga dapat memperbetulkan bacaan masing-masing dan menghayati makna al-Quran itu sendiri.

Kelima, **memperbanyakkan doa**.

Di bulan Ramadan ini juga, kita disunatkan untuk memperbanyakkan doa. Dari Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda;

Maksudnya: *"Tiga golongan doa mereka tidak akan ditolak: Imam (pemimpin) yang adil, orang yang berpuasa sehingga dia berbuka dan doa orang yang dizalimi"*. (Riwayat Ibn Majah)

Selain itu, diriwayatkan daripada Abdullah bin 'Amr RA berkata bahawa Nabi SAW bersabda:

Maksudnya: *"Sesungguhnya bagi orang yang berpuasa itu ketika dia berbuka terdapat doa yang tidak akan ditolak"*. (Riwayat Ibn Majah)

Berdasarkan hadis-hadis tersebut, kita mengetahui bahawa doa orang yang berpuasa adalah mustajab di sisi Allah SWT. Oleh itu, marilah kita bersama-sama memperbanyakkan berdoa kepada Allah SWT dan menjadikannya sebagai kewajiban yang kita laksanakan setiap hari bersama keluarga, sekurang-kurangnya sebelum waktu berbuka puasa.

Seterusnya, **bersedekah**.

Antara sunnah baginda Rasulullah SAW adalah bersedekah. Nabi SAW adalah orang yang paling suka menderma dan sifat dermawan Baginda semakin bertambah ketika tibanya Ramadan. Diriwayatkan dalam sebuah hadis, daripada Ibn 'Abbas RA:

Maksudnya: *Adalah Nabi SAW seorang yang paling pemurah dan menjadi lebih pemurah pada bulan Ramadan ketika Jibril AS bertemu dengannya. Adalah Jibril AS bertemu dengan Nabi SAW pada setiap malam pada bulan Ramadan untuk mengulangkaji al-Quran dan kemudiannya Rasulullah SAW menjadi lebih pemurah daripada hembusan angin yang pantas*. (Riwayat Bukhari)



عمالن -عمالن سنه رمضان

AMALAN-AMALAN SUNNAH RAMADAN

Daripada hadis ini, dapat difahami bahawa Ramadan merupakan bulan yang istimewa sehingga Baginda SAW lebih banyak bersedekah sehingga dinyatakan bahawa sifat dermawan Rasulullah SAW diibaratkan melebihi angin yang berhembus. Hal ini diibaratkan sedemikian kerana Rasulullah SAW sangat ringan tangan dan cepat dalam memberi tanpa banyak berfikir sebagaimana angin yang baik dan bermanfaat adalah angin yang terus-menerus berhembus.

Kini, kita boleh bersedekah dengan pelbagai cara untuk bersedekah contohnya secara atas talian, membeli dan mewakafkan lot tanah dan sebagainya. Oleh itu, jadilah orang yang suka menyumbang kerana sumbangan yang diberikan tidak akan menyusutkan harta kita bahkan ianya merupakan proses tukaran mata wang dunia kepada '**mata wang**' akhirat iaitu pahala.

Kesimpulannya, orang yang benar-benar ikhlas berpuasa mengharapkan keredaan Allah SWT dan dengan tujuan melaksanakan suruhanNya akan diberi ganjaran secara terus oleh Allah SWT. Hal ini menunjukkan keistimewaan ibadah puasa sebagaimana yang dinyatakan Rasulullah SAW dalam sabda Baginda:

Maksudnya: *"Setiap amal anak Adam akan digandakan pahalanya sebanyak 10 kali ganda sehingga 700 kali ganda." Allah berkata " Kecuali puasa, sesungguhnya ia milik Aku, dan Aku yang akan membalasnya. Orang yang berpuasa meninggalkan nafsu syahwat dan makannya kerana Aku. Orang yang berpuasa mempunyai dua kegembiraan ketika berbuka puasa dan kegembiraan ketika bertemu Tuhannya. Sesungguhnya bau mulut orang berpuasa lebih wangi disisi Allah berbanding kasturi." (Riwayat Ibn Majah)*



نوع كورو

نذکره



Tazkirah Tok Guru RAMADAN

"Kita berada dalam bulan Ramadan, jangan berasa Ramadan ni bulan poso. Kena sebut bulan Ramadan, ajar ajar lidah kita taksoh sebut bulan poso, ajar lidah kita supaya sebut Ramadan. Kerana bila sebut poso, maka bererti poso seperkara saja. Kita kena buat bulan Ramadan, sedangkan Tok Guru utama dalam Islam ialah Nabi Muhammad SAW. Nabi Muhammad ni Tok guru pun dia, nabi pun dia, Rasul pun dia, Perdana Menteri dunia bukan Perdana Menteri Malaysia saja dok, Perdana Menteri dunia langit bumi. Menteri kewangan, menteri dalam negeri, menteri luar negeri, menteri qalbu, menteri jisim, semua sekali nabi kita Muhammad SAW. Oleh yang demikian, kita perlu besar-besarkan cerita Ramadan kerana Ramadan adalah sengaja dimuliakan bukan kita di Kelantan saja.


Allah Taala sendiri memuliakan Ramadan berdasar pada Ramadan ni tempat turun Quran. Masa Quran ni turun mula- mula sekali ialah pada bulan Ramadan. Mulianya Quran ini hatta Ramadan sendiri turun dia sama, supo kita kata la nak bawak balik menantu nak sambut ore besar ke rumah kita, segala gala persiapan yang kita buat, kita buat kerana nak menyambut menantu ko, nak sambut orang besar ko, jadi kerana menantu sore, kita rela abis duit sembelih lembu sembelih kerbau, rela abis duit sewa khemah sewa kerusi, sewa meja, kawoh la, upah juru masak, juru sembelih la, semua sekali kerana menantu. Oleh kerana menantu bare yang kita sayang kita rela cetak surat jemputan, abis duit banyak takpa asalkan ore mari ramai, asalkan makanan ore sudi jamah, asalkan segala- galanya sempurna.

Jadi sebagaimana kita hormat pada menantu ko, hormat pada ore besar naik kampung kita, kita rela tinggal kerja buat untuk pergi beramai-ramai tempat ore besar datang menantu kita hadir, begitulah kita ore Islam tak kira kita ni Cina ko tak kira kita ni muslim ko, kalu cina muslim,

kalu melayu muslim, muslim campur mukmin, kalu muslim saja boleh jadi dia poso macam biasa jelah, balik ke rumah dia hisap rokok tubik luar dia kesat-kesat mulut nampak macam poso jugak. Tu melayu muslim tidak melayu mukmin kerana melayu mukmin dia poso zahir batin, zahir dia tak makan, tak makan nasi tak makan apa di siang hari, puasa batin ialah dia poso segala kaki tangan dia. Kaki dia tak pergi tempat Tuhan marah. Gi bual tak tentu pasal kedai kopi, dok, kerana apa kerana dia poso, bila dia poso dia poso abis kaki tangan mulut lidah hati perut semuo sekali benda laguni dapat dipaham oleh ore yang ada isi maksud ada isi ni ada akal."

SCAN SAYA

Untuk Tonton Video





Seminar PENGHAYATAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM (PMBI)



- 22 Syaaban 1445H / 03 Mac 2024 (Ahad)
- Dewan Johor, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)

Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) telah diumumkan oleh YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin bin Daud, Menteri Besar Kelantan sebagai penerus legasi pimpinan sebelumnya sempena Majlis Apresiasi 100 Hari Pentadbiran Kerajaan Negeri pada 7 Disember 2023.

Membangun Bersama Islam (MBI) dicetuskan oleh Almarhum Tok Guru Tan Sri Dato' Bentara Setia Dato' Nik Abdul Aziz bin Nik Mat pada 1990. Legasi Tok Guru diteruskan oleh YB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Ahmad bin Yakob menerusi Merakyat Membangun Bersama Islam (MMBI) bermula 2013 sehingga 2023.



Kini Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) yang menjadi agenda utama Kerajaan Negeri Kelantan perlu

disebar luas agar semua pihak dapat difahami, dilaksanakan sekaligus dihayati dalam seluruh kehidupan masyarakat.

Oleh itu, Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG) dengan kerjasama Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) mengambil inisiatif menganjurkan Seminar Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) membincang dan memberi kefahaman mengenai PMBI kepada pelbagai pihak berkepentingan.

Seramai lebih kurang 300 orang telah menghadiri bagi menjayakan program ini. Pada hari tersebut, IPTG telah melancarkan tiga buah buku terbitan IPTG antaranya; Buku Asas Islam, Buku Ramadan & al-Quran dan Buku Biografi Ringkas Dato' Bentara Kanan Dato' Ahmad bin Yakob







ASAS ISLAM



RAMADAN & ALQURAN



DATO' BENTRA KANAN USTAZ DATO' HAJI AHMAD BIN YAKOB

DOA MAKBUK Dengan PUASA

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "ثَلَاثَةٌ لَا تُرَدُّ دَعْوَتُهُمْ الصَّائِمُ حَتَّى يُفْطَرَ وَالْإِمَامُ الْعَادِلُ وَدَعْوَةُ الْمَظْلُومِ يَرْفَعُهَا اللَّهُ فَوْقَ الْغَمَامِ وَيَفْتَحُ لَهَا أَبْوَابَ السَّمَاءِ وَيَقُولُ الرَّبُّ: وَعِزَّتِي لَأَنْصُرَنَّكَ وَلَوْ بَعْدَ حِينٍ."

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata, Rasulullah SAW bersabda: "Terdapat tiga golongan orang yang tidak akan ditolak doa-doa mereka. (Pertama) Seorang yang berpuasa sehingga dia berbuka puasa, (kedua) seorang imam (pemerintah) yang adil dan (ketiga) doa orang yang dizalimi. Allah SWT akan mengangkat doanya ke atas awan dan dibukakan untuknya semua pintu-pintu langit dan Allah SWT akan berfirman: "Demi kemuliaan dan keagungan-Ku, pasti Aku (Allah) akan menolong kamu walaupun selepas beberapa ketika." (Riwayat Tirmizi)

Pengajaran Hadis

01

Allah SWT Maha Mendengar akan setiap permohonan hamba-hambaNya. Terdapat banyak hadis lain yang menjelaskan bahawa doa-doa dalam bulan Ramadan akan diterima secara khusus. Tiada keraguan lagi dalam penyempurnaan perkara ini kerana Allah SWT telah berjanji dan janji itu disampaikan pula oleh seorang Rasul yang benar.

Jika perkara yang diminta itu ada kebaikan untuknya maka akan diperkenankan. Jika sebaliknya, maka tidak akan diperkenankan dan diganti dengan yang lebih perlu atau akan disempurnakan di akhirat nanti, sebagai satu ehsan daripada Allah SWT kepada hambaNya.

02

03

Oleh itu, jika seseorang itu berasa kecewa dan putus asa apabila doa atau hajatnya tidak tercapai, yakinlah bahawa Allah SWT akan memberinya pada waktu yang tepat atau lebih baik untuknya.

Tips Kekal Sihat Di Bulan Ramadan



Pastikan Diri Anda Terhidrat

Pastikan anda minum air yang mencukupi sepanjang malam, lapan gelas air boleh diagihkan menggunakan kaedah **2-4-2**. **2** semasa iftar, **4** dari selepas iftar sehingga waktu tidur dan **2** semasa sahur.



Makan Secara Sederhana Semasa Iftar

Tidak makan secara berlebihan- lebih ketika berbuka puasa. Kekalkan bahagian biasa anda dan bukannya mengadakan jamuan besar untuk iftar. Makan secara berlebihan boleh menyebabkan lonjakan paras gula darah anda.



Mengekalkan Diet Seimbang

Diet yang seimbang bukan semua tentang kuantiti, sebaliknya kualiti pilihan makanan yang boleh memberi manfaat kepada kesihatan. Kurangkan pengambilan gula, natrium dan makanan berminyak kerana hal ini boleh menyebabkan anda berasa dahaga ketika berpuasa.



Dapatkan Tidur Yang Cukup Pada Waktu Yang Konsisten

Meningkatkan tabiat tidur penting untuk mendapatkan kualiti tidur yang baik; mengelakkan makanan yang berat dan mengurangkan masa skrin sekurang- kurangnya 2 jam sebelum masa tidur. Tidur sebentar semasa rehat tengah hari dan elakkan tidur sepanjang hari.



Melakukan Senaman Ringan

Kekal aktif dan sihat pada bulan Ramadhan dengan melakukan senaman ringan seperti berjalan. Menunaikan solat tarawih pada malam hari juga merupakan salah satu senaman terbaik kepada tubuh.

Sunnah سنه di Hari Raya Aidilfitri

01 Memperbanyakkan Takbir

Disunatkan untuk melaungkan takbir dengan suara yang lantang setelah terbenamnya fajar akhir Ramadan sehingga pagi hari raya (sehingga solat sunat Aidilfitri).
Hadis Riwayat Anas yang bermaksud:
"Hiasilah hari raya kamu dengan bertakbir." (Riwayat Tabrani)

02 Mandi Sunat Hari Raya Aidilfitri

Berdasarkan hadis Riwayat Al-Baihaqi:
Maksudnya: Ali bin Abi Thalib RA pernah ditanya mengenai mandi. "Adakah diharuskan mandi setiap hari?" Beliau menjawab: "Tidak harus melakukannya. Namun, mandi yang diharuskan ialah mandi pada hari Jumaat, hari Arafah, hari Aidiladha dan Aidilfitri." (Riwayat Baihaqi)

03 Memakai Haruman

"Tiga perkara yang disukai olehku daripada dunia; wanita yang halal, wangian dan rasa seronok dalam solat" (Riwayat Ahmad)

04 Memakai Pakaian Yang Indah

Maksudnya: "Umar mengambil jubah dari sutera tebal yang dijual di pasar. Beliau mengambilnya dan memberikan jubah tersebut kepada Rasulullah SAW dan mengatakan, "Wahai Rasulullah belilah jubah ini, berhias dengannya untuk hari raya dan menerima kunjungan tetamu. Maka Rasulullah SAW mengatakan kepada Umar: "Sesungguhnya ini adalah pakaian yang tidak dapat bahagiann (di akhirat)." (Riwayat Bukhari)

05 Mengerjakan Solat Sunat Hari Raya Aidilfitri

Diriwayatkan oleh Abu Sa'id al Khudri R.A, beliau berkata:
Maksudnya: "Kebiasaan Rasulullah SAW pada hari raya Aidilfitri dan Aidiladha keluar menuju ke tempat solat. Perkara pertama yang Baginda mulakan ialah solat (sunat hari raya), kemudian Baginda berpaling dan berdiri menghadap orang ramai yang sedang duduk di saf-saf mereka lalu Baginda memberikan peringatan, wasiat dan perintah kepada mereka. Sekiranya Baginda ingin mengutuskan pasukan, maka Baginda akan mengutusnyanya, atau Baginda ingin memerintahkan sesuatu, maka Baginda akan memerintahkannya." (Riwayat Bukhari)

06 Memperbanyakkan sedekah

"Tangan di atas lebih baik daripada tangan di bawah. Tangan di atas adalah yang memberi dan tangan yang dibawah adalah tangan yang meminta." (Riwayat Bukhari)

07 Ucap selamat dan saling mendoakan

Kita digalakkan menyebut lafaz
تقبل الله منا ومنكم
yang membawa maksud semoga Allah SWT menerima amalan kami dan ibadat kita semua.

08 Menjamah makanan sebelum keluar

Maksudnya: "Nabi Muhammad SAW tidak keluar ke tempat solat pada Aidilfitri sehinggalah baginda makan terlebih dahulu. Dan baginda tidak makan pada Aidiladha sehinggalah baginda solat terlebih dahulu." (Riwayat Tarmizi)

09 Saling ziarah dan menziarahi

Dalam sebuah hadis Nabi SAW bersabda:
Maksudnya: "Siapa yang suka untuk diluaskan rezekinya dan dipanjangkan umurnya maka hendaklah dia menyambung silaturahim." (Riwayat Bukhari)

JAUHI SIFAT hasad dengki

Sudah menjadi lumrah kehidupan manusia di atas muka bumi ini, ada yang baik, ada yang tidak baik dan ada juga yang berpura-pura. Kita ini diibaratkan sebagai 'pelakon' dan dunia ini pula diibaratkan sebagai 'pentas' yang penuh dengan seribu satu karakter yang sukar dibaca namun terzahir sedikit demi sedikit. Salah satu karakter yang paling dibenci ialah sikap iri hati dan hasad dengki. Ini kerana sikap ini kebanyakannya dimulai dengan kepura-puraan menyukai dengan kelebihan seseorang namun pada masa yang sama mengatur strategi untuk menjatuhkan dan memburuk-burukkan orang tersebut. Imam Ghazali berkata dalam kitabnya *Hidayatus Salikin*:

"Hasad dengki itu ialah sebenar-benar kejahatan manusia yang dicela oleh syarak. Ketahuilah, hasad itu adalah haram dan mengenyainya ialah engkau suka hilang nikmat daripada orang yang engkau dengki dan turun bala kepada orang itu. Sifat hasad itu mendatangkan kemurkaan Allah SWT. Ia boleh membinasakan diri seseorang dan amalannya."

Hasad dengki adalah satu daripada penyakit rohani yang ada dalam diri seseorang manusia. Penyakit ini boleh membahayakan diri dan mendatangkan kesan yang buruk kepada keluarga, masyarakat ataupun negara. Terdapat banyak sebab mengapa seseorang itu bersikap sedemikian, antara sebabnya ialah berlaku permusuhan, dendam, berasa tidak tentu arah kerana hajat atau hasrat tertentu tidak tercapai dan sebagainya.

Antara ciri-ciri orang yang memiliki sifat ini adalah:

- 01 | Menginginkan agar kebahagiaan atau kelebihan yang terdapat pada orang lain lenyap dan mengharapkan agar kebahagiaan tersebut berpindah kepadanya.
- 02 | Ingin melihat orang lain jatuh dan tidak memiliki kelebihan meskipun dirinya juga tidak dapat memiliki.
- 03 | Merasa sakit hati apabila orang lain melebihinya.

Sesungguhnya perasaan hasad dengki ini tidak pernah mengenal pertalian darah atau keluarga, tidak pernah mengenal sahabat atau rakan sekerja kerana mealui perasaan ini hubungan yang rapat boleh menjadi renggang, sahabat yang akrab boleh menjadi musuh, rakan sekerja menjadi tidak sehaluan dan semua ini berlaku disebabkan oleh penyakit hasad dengki dan iri hati ini.

JAUHI SIFAT hasad dengki

Sambungan

Walaubagaimanapun, ada cara untuk mencegah dan mengubati penyakit ini dan ianya perlu kepada beberapa cara dan pendekatan, antaranya ialah:

- 01 | Kita hendaklah sentiasa menjaga diri dan menyedari bahawa hasad dengki boleh merosakkan dan membinasakan diri sendiri
- 02 | Kita hendaklah sentiasa mensyukuri nikmat yang telah dianugerahkan oleh Allah SWT.
- 03 | Jika kita melihat seseorang itu memperoleh nikmat atau kelebihan, kita hendaklah mengakui bahawa mereka memperolehinya dengan hasil usaha dan kurnia Allah SWT.
- 04 | Janganlah kita sentiasa membanding-bandingkan diri kita dengan orang yang lebih tinggi keadaan atau tarafnya daripada kita.
- 05 | Kita perlulah sentiasa berdoa dan memohon perlindungan daripada Allah SWT dari sifat hasad dengki dan iri hati.
- 06 | Jika kita berasa hasad dengki dan iri hati, bersegeralah mengingati Allah SWT dengan beristighfar dan bertaubat serta memohon ampun kepada Allah SWT.

Rasulullah SAW bersabda:

"Apabila seseorang daripada kamu melihat kepada seseorang yang diberikan kelebihan pada harta dan fizikal, maka hendaklah dia melihat kepada seseorang yang lebih rendah (atau kurang) daripadanya." (Riwayat Bukhari)

Oleh yang demikian, marilah kita menjauhi daripada perasaan hasad dengki dan cemburu yang dilarang dalam agama kita, jangan sampai ia bersarang dalam hati kita kerana ini adalah antara sifat yang dibenci oleh Allah SWT.

Allah SWT berfirman di dalam surah al-Falaq, ayat 1-5 yang bermaksud:

"Katakanlah (wahai Muhammad); "Aku berlindung kepada (Allah) Tuhan yang menciptakan sekalian makhluk. Dari bencana makhluk-makhluk yang Ia ciptakan; Dan dari bahaya gelap apabila ia masuk; Dan dari kejahatan makhluk-makhluk yang menghembus-hembus pada simpulan-simpulan (dan ikatan-ikatan); Dan dari kejahatan orang yang dengki apabila ia melakukan dengki."

Akhirnya, marilah kita sama-sama berdoa dan berusaha agar dijauhkan dari perasaan ini. Semoga kita dapat hidup dalam keadaan harmoni dan berkasih sayang bagi melahirkan masyarakat yang sejahtera dan bersatu padu.

Pesan Tok Guru

1. TADARUS AL-QURAN

“Pejuang-pejuang Islam sangat beruntung kerana di bulan Ramadan, al-Quran yang mereka tadarus itu merupakan dasar mereka sendiri. Ini bererti mereka sedang membaca dasar-dasar perjuangan mereka yang termaktub di dalam al-Quran. Pejuang-pejuang sekular contohnya, teramatlah rugi kerana tidak mempunyai kitab untuk mereka tadarus. Jika mereka tadarus al-Quran sekalipun, kitab itu tidak mereka jadikan sebagai dasar. Sebab itu, menjadi seorang pejuang Islam benar-benar satu tuah yang diberikan oleh Allah SWT...”

Firman Allah SWT:

Maksudnya: *(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah. (al-Baqarah: 185)*

Daripada Abdullah bin Amru RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: الصَّيَّامُ وَالْقُرْآنُ يَشْفَعَانِ لِلْعَبْدِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ يَقُولُ الصَّيَّامُ: أَيُّ رَبِّ مَنَعْتُهُ الطَّعَامَ وَالشَّهَوَاتِ بِالنَّهَارِ فَشَفَّعْنِي فِيهِ. وَيَقُولُ الْقُرْآنُ: مَنَعْتُهُ النَّوْمَ بِاللَّيْلِ فَشَفَّعْنِي فِيهِ. قَالَ: فَيُشَفَّعَانِ

Maksudnya: *“Puasa dan al-Quran akan memberikan syafaat kepada hamba (orang yang berpuasa dan yang sentiasa membaca al-Quran) di hari kiamat nanti. Puasa akan berkata: “Wahai Tuhan! Sesungguhnya aku telah menahan hamba-Mu ini daripada makan, minum dan perkara syahwat pada waktu siang, maka terimalah syafaatku kepadanya.” Manakala al-Quran pula akan berkata: “Wahai Tuhan! Sesungguhnya aku telah menahan hamba-Mu ini daripada tidur di malam hari, maka terimalah syafaatku kepadanya.” Baginda bersabda: “Maka Allah pun menerima kedua-dua syafaat tersebut.” (Riwayat Ahmad)*

2. LATIHAN BULAN RAMADAN

“Banyak-banyak latihan yang kita buat pada bulan Ramadan, yang penting sekali ialah latihan ikhlas lillahi Taala. Kerana apabila kita berpuasa, orang tidak tahu pun sama ada kita berpuasa ataupun tidak. Kita berpuasa juga walaupun dalam keadaan orang tidak tahu. Walaupun letih dan dahaga, kita ok (tahan) juga. Kita ajar anak-anak kita bertahan. “Tahan sikit, tahan... Sekejap lagi kita akan berbuka puasa.”

Dari Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ، إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا، غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Maksudnya: *“Sesiapa yang berpuasa dengan penuh keimanan dan mengharapkan keredaan Allah, maka akan diampunkan segala dosanya yang telah lalu.”*

(Riwayat Al-Bukhari)



Majlis Apresiasi PEGAWAI DAN KAKITANGAN INSTITUT PEMIKIRAN TOK GURU DATO' BENTARA SETIA (IPTG)

23 JAMADIL AKHIR 1445H / 05 JANUARI 2024 | DEWAN KIJANG 3, HOTEL PERDANA



Mesyuarat BBC KELANTAN BERSAMA PROF. EMERITUS DATO' DR. JOHARI BIN MAT, PENGARAH IPTG

26 JAMADIL AKHIR 1445H / 08 JANUARI 2024 (ISNIN) | BILIK PENGARAH IPTG



Lawatan

GURU KAFA SK BANDAR LAGUNA MERBOK SUNGAI PETANI KEDAH KE INSTITUT PEMIKIRAN TOK GURU DATO' BENTARA SETIA

29 JAMADIL AKHIR 1445H / 11 JANUARI 2024 (KHAMIS) | PEJABAT IPTG



Bengkel

SUMBANG SARAN GERAK KERJA INSTITUT PEMIKIRAN TOK GURU DATO' BENTARA SETIA (IPTG) BAGI TAHUN 2024

19 REJAB 1445H / 31 JANUARI 2024 (RABU)
MALINJA FUNCTION ROOM 2, TINGKAT 18, H ELITE HOTEL DESIGN





Selamat Menyambut
RAMADAN
&
HARI RAYA
AIDILFITRI

INSTITUT PEMIKIRAN TOK GURU DATO BENTARA SETIA